



"Falak dan Agenda Hijau"

(27 Mac 2020/ 2 Syaaban 1441H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا سُبُلَ السَّلَامِ، وَأَفْهَمَنَا بِشَرِيعَةِ الْإِسْلَامِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، نَسْتَغْفِرُهُ وَنُتُوبُ إِلَيْهِ مِنْ
كُلِّ الذُّنُوبِ وَالْآثَابِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
خَيْرُ الْأَنَامِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ بِدْرِ التَّمَامِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ عَلَى مُرُورِ الْعُصُورِ وَالْأَيَّامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ

لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ

وَرَسُولَهُ ۖ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾ الأَحْزَاب

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dan ketahuilah bahawa orang yang bertakwa itu pasti mendapat kemenangan di dunia dan juga di akhirat. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: **“Falak dan Agenda Hijau”**.

Kaum Muslimin yang dimuliakan,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana kita masih lagi dapat menghirup udara yang nyaman, dikurniakan kesihatan, hidup dengan penuh kemewahan dalam negara yang sejahtera serta aman damai ini. Lebih-lebih lagi kita dikurniakan oleh Allah SWT dengan nikmat terbesar iaitu nikmat Islam dan iman.

Justeru, sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, tiada sebab untuk kita lalai, kufur atau menderhaka kepada Allah SWT yang telah menciptakan kita sebagai manusia (iaitu sebaik-baik kejadian) di samping kita dikurniakan dengan begitu banyak nikmat yang tidak terhingga. Sebagaimana firman Allah dalam surah an-Nahl ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *“Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkan-Nya kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”*.

Sidang Jumaat Yang dimuliakan Allah,

Khutbah hari ini membicarakan tajuk Falak. Falak sering dikaitkan dengan objek di langit. Namun sebenarnya falak tidak terhad dalam aspek berkaitan langit sahaja, tetapi fenomena di sana memberi petunjuk dan isyarat kepada bumi dan segala yang bernaung di bawahnya. Semakin kita mendalami bidang Falak, maka semakin dekat kita memahami maqasid di sebalik pensyariatian ibadat di dalam Islam. Misalnya dalam menunaikan solat, kita perlu merujuk matahari dalam menentukan waktu solat dan arah kiblat. Manakala dalam ibadat puasa, zakat, dan haji, kita perlu merujuk bulan bagi

melaksanakan ibadat berkenaan. Bahkan dalam banyak keadaan, syariat Islam sentiasa harmoni dengan alam semesta serta fenomena-fenomenanya.

Oleh Itu Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Manusia dan alam mempunyai kaitan dan hubungan yang sangat rapat. Kehidupan manusia di muka bumi ini memerlukan sumber alam untuk meneruskan kelangsungan hidup. Contohnya keperluan manusia untuk makan, minum, pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan sebagainya adalah bersumberkan tumbuh-tumbuhan, binatang ternakan, pokok-pokok kayu, hutan rimba belantara, hasil perut bumi, minyak, gas, segala bentuk logam dan sebagainya.

Bagaimana pun, di samping menerokai segala sumber alam semula jadi ini untuk pembangunan dan kemajuan kita di dunia ini, kita juga hendaklah bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekeliling supaya tidak dirosakkan dengan pembangunan yang tidak terkawal semata-mata untuk memuaskan nafsu yang rakus. Memelihara alam sekeliling termasuk salah satu tugas manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Justeru, agenda hijau yang sedang digerakkan oleh banyak pihak bukanlah sesuatu yang asing daripada Islam, sebaliknya merupakan hasil dari penghayatan terhadap ilmu falak itu sendiri. Pihak kerajaan negeri dan

persekutuan sedang hebat menggerakkan agenda hijau dalam pentadbiran. Termasuk menubuhkan agensi-agensi khusus berkaitan hal tersebut seperti *Penang Green Council (PGC)* dan seumpamanya di samping agensi-agensi sedia ada seperti Jabatan Alam Sekitar. Inisiatif-inisiatif yang digerakkan merupakan satu usaha yang murni dan sebenarnya sesuatu yang selari dengan tuntutan syarak.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kesedaran orang ramai terhadap penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar masih di tahap rendah terutama sikap “**tak Pa**” terhadap menjaga kebersihan. Apabila berlaku sesuatu musibah seperti penularan wabak penyakit taun, denggi dan sebagainya di satu-satu kawasan. Puncanya kerana pengabaian terhadap aspek kebersihan.

Pengabaian alam sekitar juga menyebabkan bencana alam seperti tanah runtuh atau banjir kilat sehingga menyebabkan banyak kerosakan harta benda. Begitu juga perbuatan membuang sisa-sisa toksik atau air tercemar yang tidak dirawat oleh kilang-kilang industri, melakukan pembakaran secara terbuka dan sebagainya. Gambaran-gambaran ini menyebabkan berlakunya pencemaran, seterusnya menyedarkan kita bahawa alam sekitar yang dikurniakan kepada kita ini perlu dipelihara. Allah SWT menjelaskan dalam surah ar-Rum, ayat 41:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ
لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: “Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia. Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”.

Oleh itu, kita mesti menerima kenyataan ini dengan pandangan yang rasional, di samping mengeneipkan sikap menuding jari dan tuduh menuduh, bukanlah alasan kita untuk duduk berdiam diri atau berpeluk tubuh sahaja. Pengalaman-pengalaman yang lalu seharusnya menjadi panduan serta pengajaran berguna bagi kita dalam mengatur dan merancang sesuatu pelan pembangunan. Antara faktor yang perlu diperhalusi ialah:

Pertama: Tidak hanya memikirkan nilai komersial semata-mata tetapi perlu mengambil kira faktor-faktor keselamatan, pencemaran atau taksiran kerosakan alam sekitar dan ekologi sistem yang mungkin berlaku pada masa akan datang.

Kedua: Sentiasa mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Ketiga: Sentiasa merujuk kepada pakar-pakar yang dapat memberi khidmat nasihat dalam bidang-bidang berkaitan.

Keempat: Pemantauan berterusan dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas terhadap sesiapa sahaja atau mana-mana pihak yang melanggar peraturan dan menyebabkan kerosakan atau terjejasnya alam sekitar.

Kaum Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Inisiatif-inisiatif yang digerakkan bagi tujuan pemeliharaan alam semulajadi tidak boleh dipandang remeh. Dari sekecil-kecil perkara seperti menyimpan cebisan sampah untuk membuangnya di tempat yang ditentukan dan tidak mencetak apa-apa dokumen yang tidak digunakan sehinggalah kepada perkara-perkara yang besar mesti didukung oleh semua pihak.

Inisiatif kitar semula, gempur pencemaran plastik, makan sampai habis, larangan penebangan pokok secara rakus, larangan pembakaran terbuka, pengurangan penggunaan kertas, pengawalan pencahayaan yang melampau, penjimatan air, penjimatan elektrik, dan seumpamanya wajar disokong dan digerakkan secara bersama. Sebagai muslim, kita adalah

umat yang sentiasa mesra alam. Bumi yang kita diami perlu diselamatkan dari tindakan ganas pembangunan yang tidak mampan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا
إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan berharap-harap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat pada orang yang sentiasa memperbaiki amalannya”. (surah al-A’raf ayat: 56)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

(Bulan Mac 2020)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ
شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ
يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah.

Pada masa kini, terdapat segelintir umat Islam yang menghadapi masalah kecelaruan jantina yang salah satunya dikenali sebagai transeksual. Mereka adalah seorang lelaki atau perempuan yang berperasaan atau berpenampilan sebagai jantina yang berlawanan jenis. Sebahagian mereka sehingga tahap mengambil hormon, membuat pelbagai suntikan dan melakukan pembedahan menukar organ jantina. Hal ini bukan sekadar bertujuan ingin benar-benar menjadi jantina yang berlawanan malah ada yang turut terlibat dengan masalah sosial.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada tahun 1982 telah memutuskan hukum pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya adalah haram. Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun jantintanya berjaya ditukarkan melalui pembedahan. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun jantintanya berjaya ditukarkan melalui pembedahan. **Manakala seorang yang dilahirkan sebagai 'khunsa musykil'** iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan, **diharuskan melakukan pembedahan** bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

Ketahuiilah bahawa mengubah ciptaan Allah swt adalah dosa besar dan dilaknat oleh Allah swt. Kita sebagai bapa atau ketua keluarga, wajiblah menjaga dan memantau ahli keluarga supaya tidak beramal dengan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Ibu bapa juga hendaklah mendidik anak-anak mengikut fitrah kejadian asal mereka dan bukan sebaliknya. Contohnya, anak lelaki dipakai pakaian perempuan atau anak perempuan dibiarkan berpewatakan seperti lelaki. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa', ayat 119:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

...وَلَا مَرْنَهُمْ فَلْيَغْيِرَنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا

مِّن دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾

Maksudnya: "...dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah". Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata".

Semoga kita dapat meneruskan kehidupan dengan penuh keberkatan dan sentiasa mendapat rahmat Allah swt.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepertimana perintah Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad ﷺ wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ . اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ مَلِكِنَا، كباوه
دولي يغ مها موليا سري فادوك باكيندا يغ دثرتوان اكوغ ك-انم
بلس، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدُ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ، وكذلك مولانا تون يغ
تراوتاما تون داتوء سري اوتاما دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج
عباس يغ دثرتوا نكري فولاو فينغ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .